

15/04/1998

Presiden Uganda mula lawatan hari ini

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Republik Uganda, Yoweri Kaguta Museveni, akan memulakan lawatan ke Malaysia selama empat hari mulai esok.

Lawatan atas jemputan Yang di-Pertuan Agong itu bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Yoweri yang akan disertai isteri, Janet Museveni, mengetuai 30 delegasi termasuk Timbalan Perdana Menteri pertamanya, Eriya Kategaya, yang juga Menteri Luar dan Menteri Perancang dan Pembangunan Ekonomi, Richard Kaijuka.

Beliau akan diberi sambutan rasmi di medan Parlimen esok, sebelum bertemu Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara agenda yang akan dibincangkan bersama Dr Mahathir ialah mengenai hubungan dua hala, isu serantau dan antarabangsa yang masing-masing mempunyai kepentingan bersama.

Yoweri akan mengambil kesempatan daripada lawatan ini untuk menarik pelaburan ke negaranya dengan mengadakan satu majlis dialog bersama usahawan tempatan.

Di samping itu, beliau akan dibawa melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dan kilang Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) di Shah Alam.